

U.M. 14 JUNI 1973

ALOR SETAR 13 Jun —
Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengumumkan penarikan dirinya dari 'PELARAS' — sebuah syarikat pengilang kecil padi di Kedah yang terlibat dengan permohonan lesen kepada LPN.

Ini berikutan dengan serangan balas Pengerusi LPN Tan Sri Syed Nasir terhadapnya baru-baru ini mengatakan ada orang parti yang kecilwa mendapat lesen kontrek, pinjaman dan sebagai menggunakan mesyuarat UMNO untuk mergecam pihak-pihak tertentu.

Kecam

Dr. Mahathir yang juga anggota MKT UMNO mengumumkan di dalam satu persidangan akhbar di pejabat UMNO di sini petang ini bahawa beliau tidak mahu dianggap memperjuangkan "sesuatu untuk kepentingan diri saya."

"Saya terpaksa menarik diri dari PELARAS, kerana syarikat itu mungkin tidak akan dapat lesen-lesen kerana saya ada bersama atau kalau PELARAS dapat lesen maka akan jadi benarlah yang saya dapat keuntungan bagi diri saya kerana mengecam LPN," tambahnya.

Dr. Mahathir menerangkan bahawa beliau akan merojokkan perkara tuduhan ke atas dirinya kepada Majlis Kerja Tertinggi UMNO kerana "saya dianggap salah kerana menegur satu badan yang ditubuh oleh kerajaan."

Setiausaha PELARAS, Encik Ahmad Fathan yang turut hadir menerangkan bahawa penyertaan Dr. Mahathir dalam PELARAS adalah dengan jemputan beberapa orang anggota lembaga pengarahnya untuk mendapatkan bimbingan dari beliau.

"Keanggotaan anggota PELARAS terdiri dari petani-petani biasa yang belum berpengalaman," katanya.

Pengarah pengurusan syarikat itu, Encik Ismail Osman sendiri mengakui bahawa beliau telah menulis meminta lesen untuk mengimpor padi, Siam dari LPN dalam bulan April lalu tanpa pengetahuan anggota-anggota lembaga pengarah yang lain.

Bagaimanapun sehingga ini LPN tidak menjawab surat itu, katanya.

Minta

Dr. Mahathir memberitahu ia telah membangkitkan soal harga padi yang tidak adil bukanlah baharu sekarang tetapi sejak tahun 1967 lagi.

"Ucapan saya di Rawang yang menyentuh LPN adalah merupakan sambungan dari ucapan saya di dalam soal harga padi," katanya.

"Saya akan meminta Majlis Kerja Tertinggi UMNO memberi keputusan tentang tuduhan yang dibuat terhadap saya dan saya sanggup menerima sebarang keputusan Majlis Kerja Tertinggi dengan tidak menyoal," tegasnya.

Dr. Mahathir di samping itu telah juga menyebutkan keuntungan sebanyak antara \$11.00 sehingga \$20.00 bagi satu guni beras yang didapati oleh LPN dan pengilang-pengilang kecil hanya dapat \$1.00 sahaja dari satu guni padi.

"Dari perhitungan ini saya mengira bahawa LPN belum dapat memberikan keuntungan kepada petani-petani pada keseluruhannya," kata beliau.

Beliau juga mengingatkan bahawa ia tidak menentang LPN tetapi telah membuat ucapan yang menyokong usaha LPN.

Dr. Mahathir memberitahu bahawa inilah kali yang terakhir untuk beliau menyebutkan soal padi dan beras kerana anggapan anggapan yang timbul dan ia tidak lagi akan menjawab sebarang tuduhan ke atasnya dalam perkara ini.